

Tinjauan Literatur Penterjemahan Sinonim dalam al-Quran

BITARAVolume 4, Issue 2, 2021: 141-150
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Literature Review of Translation of Synonyms in The Quran]

Husna Mohamad Salleh¹ & Maheram Ahmad¹**Abstrak**

Menterjemah sinonim dalam al-Quran adalah satu tugas yang mencabar kerana setiap leksikal sinonim dalam al-Quran adalah spesifik dan mempunyai makna semantik yang khusus. Walaubagaimanapun, ia mendapat perhatian yang luas daripada para pengkaji khususnya para pengkaji terjemahan al-Quran. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti kajian lepas yang dilakukan terhadap penterjemahan sinonim dalam al-Quran serta meneliti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang berbentuk tinjauan literatur. Data diperoleh daripada pelbagai rujukan seperti buku, tesis, disertasi, jurnal dan prosiding seminar. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik dan deskriptif. Dapatan umum menunjukkan kajian penterjemahan sinonim al-Quran dalam terjemahan bahasa Melayu amat kurang berbanding kajian terjemahan bahasa Inggeris. Kajian seumpama perlu dilakukan bagi menambah rujukan sedia ada dan memberi kefahaman kepada para pembaca.

Kata kunci:

Penterjemahan al-Quran, sinonim dan tinjauan literatur.

Abstract

Translating synonyms in the Quran is a challenging task because each lexical synonym in the Quran is specific and has a specific semantic meaning. However, it has received widespread attention from scholars, especially those who study the translation of the Qur'an. Therefore, this study was conducted to examine previous studies on the translation of synonyms in the Qur'an as well as to examine issues that can be used as new studies in the future. This study is a qualitative study in the form of a literature review. Data obtained from various sources such as books, theses, dissertations, journals and seminar proceedings. The data obtained were analyzed thematically and descriptively. The general findings of the study show synonyms Quran translation in Malay language translation is low compared to study in the English translation. Such study should be done to add existing references and provide understanding to the readers.

Keywords:

Quran translation, synonyms and literature review

Cite This Article:

Husna Mohamad Salleh & Maheram Ahmad. 2021. Tinjauan Literatur Penterjemahan Sinonim dalam al-Quran. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 141-150.

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Corresponding Author:

MAHERAM AHMAD, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
E-mail: maheram@ukm.edu.my

Pengenalan

Sinonim merupakan salah satu komponen ilmu linguistik yang melibatkan struktur makna dan hubungan antara makna. Sinonim didefinisikan oleh Lyons (1981) sebagai hubungan antara leksikal yang merujuk pada kesamaan makna manakala, menurut pengertian Ibn Jinni (2006), sinonim atau '*al-taraduf*' bermaksud '*talaqi al-ma'ani 'ala ikhtilaf al-usul wa al-mabani*' yang bererti persamaan maksud di sebalik perbezaan akar kata dan struktur binaan (terjemahan dipetik daripada Muhammad Luqman et al. 2017).

Sinonim merupakan suatu fenomena yang biasa berlaku dalam apa-apa jua bahasa. Antara faktor kewujudan sinonim adalah peminjaman bahasa dan penyerapan kata yang berlaku hasil daripada pertembungan budaya sehingga menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa tersebut (Noor Eliza & Mohd Shahrizal Nasir 2014; Salinah & Doreen 2016). Kekeliruan bukan sahaja berlaku dalam penggunaan harian malah turut berlaku dalam kerja penterjemahan (Salinah & Doreen 2016). Hal ini memberikan cabaran besar buat para penterjemah lebih-lebih lagi para penterjemah kitab suci seperti al-Quran kerana setiap leksikal sinonim di dalamnya adalah spesifik dan mempunyai makna semantik yang khusus (Al-Sowaidi 2011; Hassan 2014; Nouredin & Sabariah 2015 dan Abdul-Qader Khaleel et al. 2019). Sensitiviti bahasa dalam al-Quran juga menjadikan al-Quran agak mustahil untuk diterjemahkan. Namun begitu, menurut Iman Najim & M. Y. Zulkifli (2012) para penterjemah berusaha keras untuk menyelesaikan sebahagian permasalahan dalam penterjemahan al-Quran walaupun kadangkala sebahagian usaha tersebut tidak berjaya. Walaupun begitu, usaha untuk mendalami permasalahan dalam penterjemahan sinonim al-Quran dalam usaha menambah rujukan dan memberi kefahaman kepada para pembaca haruslah diteruskan. Tambahan pula, kajian berkaitan sinonim perlu diberi perhatian dan diterokai dengan lebih mendalam seperti disarankan oleh Al-Sowaidi (2011), Hassan (2014) dan Abdul Qader Khaleel et al. (2017). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif berikut:

1. Mengenal pasti tema kajian lepas berkaitan sinonim dalam al-Quran dan penterjemahannya.
2. Meneliti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang.

Metodologi

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan reka bentuk kajian literatur. Menurut (Dornyei 2007), kajian kualitatif melibatkan prosedur pengumpulan data dan tidak memerlukan data berangka (non-numerical data). Selain itu, kajian kualitatif memfokuskan aspek penceritaan yang berkualiti dan tersusun daripada tema-tema yang diperolehi (Ahmad Munawwar & Mohd Nor Shahizan 2014). Pemerolehan data dilakukan daripada pelbagai rujukan seperti buku, tesis, disertasi, jurnal, kertas kerja dan prosiding seminar. Ini bertepatan dengan Dornyei (2007) yang menyatakan kajian kualitatif berfungsi dengan pelbagai data termasuk rakaman wawancara, pelbagai jenis teks (misalnya catatan lapangan, jurnal dan diari, dokumen) dan gambar (foto atau video).

Data-data ini pula dianalisis secara tematik. Data-data tersebut kemudiannya dihuraikan secara analisis deskriptif manakala teknik statistik digunakan dalam jumlah, peratusan dan kekerapan seterusnya dipersembahkan melalui jadual. Menurut Braun & Clarke (2006), analisis tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak (tema) dalam data manakala analisis deskriptif menurut Pare et al. (2015) membolehkan pengkaji mengenal pasti corak kajian 'trend' yang dapat ditafsirkan atau membuat kesimpulan keseluruhan mengenai konsep, cadangan, kaedah atau penemuan yang ada. Hal yang demikian bertepatan dengan objektif kajian yang ingin dicapai.

Analisis Tematik Tinjauan Literatur

Awal kajian banyak mengemukakan mengenai sejarah kemunculan teori sinonim dalam bahasa. Ilmuwan Arab yang dikatakan memberi isyarat awal kewujudan sinonim dalam bahasa adalah Sibawayh (1988) dalam kitabnya '*al-Kitab*'. Sibawayh (1988) membahagikan hubungan semantik antara perkataan dan makna kepada tiga bahagian, pertama: dua perkataan yang berasingan bagi dua makna yang berbeza. Kedua: perkataan yang berasingan untuk menyampaikan maksud yang sama. Ketiga: sebutan sama untuk dua perkataan yang berasingan untuk menyampaikan dua makna yang berbeza (dipetik dari Luqman et al. 2017) dan sinonim merujuk pada yang kedua iaitu perkataan yang berasingan untuk menyampaikan maksud yang sama.

Sinonim yang merupakan salah satu lambang kekayaan sesuatu bahasa mendorong ilmuwan Arab terdahulu seperti Ibn Khalawayh, Al-Asma'i dan Al-Fayruz Abadi untuk mengumpulkan perkataan bersinonim dalam satu kitab yang khusus. Misalnya, Al-Asma'i telah mengarang kitab '*Ma Ikhtalafat Alfazuhu wa Ittafaqat Ma'aanihi*' (Al-Asma'i 1986; Al-Shaya' 1993). Namun begitu, pengertian ilmuwan-ilmuwan Arab terdahulu terhadap definisi sinonim atau disebut dalam bahasa Arab sebagai '*al-taraduf*' terhadap kepada pengertian "perkataan yang berasingan untuk menyampaikan maksud yang sama" (pengertian menurut Sibawayh (1988)) tanpa menggariskan syarat tertentu untuk penentuan '*al-taraduf*'. Hal ini kerana, '*al-taraduf*' merupakan konsep yang baru diwujudkan dan tidak berlegar di kalangan ilmuwan Arab terdahulu. Oleh yang demikian, kita mendapati tidak wujud pengertian yang terperinci dan jelas oleh mereka (Al-Shaya': 1993).

Omar (1998) dalam bukunya menjelaskan perbahasan sinonim menurut perbahasan ilmuwan moden. Menurutnya, sinonim terbahagi kepada dua bahagian, pertama: '*al-taraduf al-kamil*' sinonim jati atau disebut juga '*al-tamathul*' kesamaan, kedua; '*shibh al-taraduf*' iaitu sinonim separa. Sinonim jati berlaku apabila dua perkataan yang betul-betul sama pada makna sehingga anak jati bahasa tersebut tidak dapat membezakan antara keduanya dan bertukar ganti secara bebas dalam apa jua konteks manakala, sinonim separa pula apabila dua perkataan mempunyai makna yang amat dekat sehingga mencapai tahap yang sukar untuk membezakan antara keduanya melainkan orang yang mahir dalam bahasa tersebut '*al-mutakhassis*' seperti contoh perkataan '*haul*', '*aam*' dan '*sanah*'. Melalui konsep yang diperkenalkan, sinonim dapat dilihat dengan lebih luas dan bukan terhadap kepada pengertian yang dibawa oleh ilmuwan Arab terdahulu.

Sehubungan dengan konsep sinonim dalam al-Quran, tinjauan awal mendapati perbincangan mengenai sinonim dalam al-Quran pada awalnya dijadikan subtopik dalam buku-buku yang berkisar tentang kemukjizatan bahasa dalam al-Quran atau disebut sebagai '*al-I'jaz al-Bayani fi al-Quran*' seperti buku karangan Al-Shati' (1984), Al-Khalidi (2000) dan Al-Samarrai (2003). Walau bagaimanapun, Al-Munajjid (1997) dan Al-Shaya' (1993) telah menulis satu kitab khusus yang menghuraikan perbincangan sinonim dalam al-Quran secara mendalam. Tema perbincangan sinonim yang terdapat dalam kitab-kitab tersebut adalah perbincangan ilmuwan terdahulu dan moden terhadap sinonim dalam al-Quran serta perbezaan maksud bagi perkataan yang disangka sinonim dalam al-Quran. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa sinonim jati tidak wujud dalam al-Quran.

Umar (2000) mempunyai pandangan yang berbeza mengenai sinonim dalam al-Quran. Umar (2000) menukilkan dalam artikelnya bahawa sinonim dalam al-Quran wujud dan terbahagi kepada empat bahagian; pertama, '*al-taraduf al-tam*' atau '*absolute synonyms*' iaitu apabila dua perkataan atau lebih mempunyai persamaan makna dan boleh ditukar ganti seperti perkataan '*aathara*' dan '*faddala*' serta '*arsala*' dan '*ba'atha*'; kedua, '*shibh al-taraduf*' atau '*near synonyms*' iaitu dua perkataan atau lebih yang dirasakan serupa oleh anak jati bahasa namun berbeza dari sudut penggunaannya dalam al-Quran di mana ia tidak boleh ditukar ganti dalam satu-satu konteks melainkan jika dibolehkan seperti perkataan: '*al-hilm*' dan '*al-ru'ya*' serta '*al-ghayth*' dan '*al-matar*'; ketiga, '*al-mutakafi*' iaitu perkataan-perkataan yang mempunyai persamaan zat tetapi berbeza pada sifat seperti nama-nama hari kiamat, nama-nama angin, nama-nama Al-Quran; keempat, sinonim pada nama-nama Allah (*asma' al-husna*) yang langsung tidak boleh ditukar ganti.

Pandangan Umar (2000) tersebut ditolak oleh Husayn (2012) kerana teori yang diperkenalkan amat bahaya dan boleh mengubah uslub Al-Quran. Di samping itu, Umar (2000) telah memisahkan perkataan-perkataan al-Quran tersebut daripada konteks al-Quran sehingga menampakkan ia sinonim sedangkan konteks al-Quran seharusnya tidak dipisahkan apabila satu-satu perkataan itu dikaji. Walaupun begitu, konsep '*near synonyms*' atau sinonim dekat yang diperkenalkan Umar (2000) diterima dan digunapakai oleh para pengkaji penterjemahan sinonim al-Quran seperti Al-Sowaidi (2011), Al-Jabri (2012), Hassan (2014), Al-Ghazalli & Al-Musawi (2015) dan Nadhirah (2018) namun '*absolute synonyms*' atau sinonim jati yang diperkenalkan oleh Umar (2000) tidak diterima dan hanyalah ilusi sebagaimana yang telah dibuktikan melalui penjelasan yang dilakukan oleh ilmuwan Arab dan sarjana Muslim (Al-Omari & Abu-Melhim 2014).

Sehubungan dengan itu, beberapa kajian telah dijalankan untuk membuktikan bahawa setiap perkataan bersinonim separa dalam al-Quran mempunyai perbezaan yang amat terperinci. Kajian Muhammad Luqman et al. (2017) memaparkan beberapa leksikal sinonim (LS) menurut perbincangan Himadah Muhammad (2007) dan menggunakan teori Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) untuk mengenal pasti fungsi dan kesan semantik leksikal terhadap konteks ayat. Di akhir kajian, Luqman et al. (2017) menegaskan bahawa setiap leksikal sinonim dalam al-Quran mempunyai nilai dan fungsi tersendiri. Rentetan itu, Almakrob & Al-Ahdal (2020) telah menjalankan analisis kolokasi terhadap perkataan sinonim separa untuk melihat setiap pasangan tersebut membawa makna yang sama ataupun berbeza. Hasil kajian tersebut didapati bahawa setiap pasangan sinonim separa dalam al-Quran membawa makna yang berbeza dan setiap penterjemah harus mempunyai kefahaman yang jelas terhadap makna perkataan

bersinonim supaya terjemahan perkataan bersinonim separa tidak dilihat sama. Kedua-dua kajian ini tidak menganalisis penterjemahan bahkan menganalisis perkataan yang bersinonim separa agar memperlihatkan perbezaan antara setiap perkataan tersebut.

Beberapa kajian sinonim al-Quran dalam bahasa Indonesia ditemukan antaranya kajian Fina (2008), kajian Yudiansyah (2010), kajian Ariefta (2015), kajian Muhammad (2017) dan kajian M. Ali (2019). Kesemua kajian ini bertemakan perbahasan mengenai persamaan dan perbezaan makna bagi pasangan sinonim dalam al-Quran dan hasil kajian secara umum mendapati setiap perkataan tersebut walaupun mempunyai persamaan pada makna mempunyai perbezaan dari sudut semantik dan konseptual. Justeru, mengukuhkan ketidakwujudan sinonim jati dalam al-Quran

Berikutan itu, beberapa kajian dijalankan untuk melihat ketepatan terjemahan dan strategi penterjemah dalam menterjemah sinonim tersebut. Kajian Al-Sowaidi (2011), Al-Jabri (2012), Hassan (2014), Al-Ghazalli & Al-Musawi (2015), Al-Abbas & Khanji (2019) dan Abdul Qadeer Khaleel et al. (2017, 2019, 2020) adalah kajian penterjemahan sinonim separa dalam terjemahan al-Quran bahasa Inggeris. Perbezaan antara setiap kajian adalah pemilihan perkataan dan kitab terjemahan untuk dianalisis.

Antar Abdellah (2003) dalam kajiannya telah melihat penterjemahan ‘ghayth dan ‘matar’ dalam terjemahan Arberry (1964), Ahmad Ali (1984), Shakir (1983), Yusuf Ali (1954) dan Pickthall (1999) berdasarkan konteks ayat sementara kajian Issa (2011) meneliti terjemahan beberapa sinonim dalam dua terjemahan al-Quran bahasa Inggeris iaitu terjemahan Khilali & Khan (1996) serta George Sales (1734) berdasarkan tafsir Imam al-Sha’rawi (1991).

Kajian Al-Sowaidi (2011) merungkaikan perbahasan secara mendalam mengenai kesukaran yang dilalui oleh para penterjemah untuk menterjemah sinonim separa dalam al-Quran. Al-Sowaidi (2011) memilih empat pasangan perkataan bersinonim iaitu ‘ghayth’ dan ‘matar’, ‘al-hilf’ dan ‘al-qasam’, ‘bakhil’ dan ‘shahih’ serta ‘‘aqir’ dan ‘‘aqim’ pada dua terjemahan al-Quran bahasa Inggeris tulisan Yusuf Ali (1934/1938) dan T.B Irving (1985). Kajian Al-Jabri (2012) pula memfokuskan terjemahan leksikal ‘khawf’ beserta sinonimnya pada tiga terjemahan al-Quran bahasa Inggeris yang ditulis oleh Pickthall (1930), Yusuf Ali (1937) dan Shakir (1982). Al-Jabri (2012) menggunakan analisis komponen dan analisis konteks untuk membuat perbandingan ketepatan antara ketiga-tiga terjemah.

Seterusnya, kajian Hassan (2014) dalam artikelnya mengkaji empat pasangan perkataan iaitu ‘rayb’ dan ‘shakk’, ‘ghayth’ dan ‘matar’, ‘fu’ad’ dan ‘qalb’ serta ‘al-hilf’ dan ‘al-qasm’ pada terjemahan al-Quran bahasa Inggeris yang ditulis oleh Yusuf Ali (t.th), Arberry (1955), Irving (1992) dan Ghali (2003) manakala, kajian Al-Ghazalli & Al-Musawi (2015) dijalankan untuk mengkaji ketepatan penterjemahan leksikal sinonim Al-Quran ke dalam bahasa Inggeris dalam terjemahan Khilali & Khan (1996).

Kajian Al-Abbas & Khanji (2019) berkisar tentang penterjemahan perkataan ‘sanah’ dan ‘‘aam’ dalam lima terjemahan hasil tulisan Pickthall (1930), Yusuf Ali (1982), Arberry (1996), Abdel Haleem (2004) serta Al-Hilali & Khan (2018). Sehubungan itu, Abdul Qadeer Khaleel et al. (2020, 2017, 2019) dalam ketiga-tiga artikelnya menggunakan pendekatan RC-S iaitu ‘Relation by Contrast Approach to Synonym’ oleh Murphy (2003) untuk penganalisisan data bagi melihat perbezaan pada perkataan bersinonim separa. Pendekatan RC-S digunakan kerana ia menyediakan parameter untuk menganalisa perbezaan semantik antara perkataan bersinonim separa dalam terjemahan Arberry (2002) dan terjemahan Irving (2003).

Berkait dengan kajian penterjemahan sinonim dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu, didapati hanya dua kajian yang dilakukan iaitu kajian Nadhirah (2018) dan kajian Azman & Muhd Sufian (2018). Kajian Nadhirah (2018) merupakan kajian penterjemahan sinonim al-Quran dalam Tafsir Pimpinan Al-Rahman oleh Abdullah Basmeih (2000). Nadhirah (2018) mendapati bahawa amat sukar untuk mengenal pasti perbezaan kecil yang terdapat antara perkataan bersinonim separa, dan perbezaan tersebut hanya dapat dikenal pasti melalui konteks al-Quran. Azman & Muhd Sufian (2018) pula menjalankan analisis linguistik berasaskan makna denotasi dan makna etimologi kepada tiga leksikal iaitu ‘jasad’, ‘badan’ dan ‘jisim’ daripada dua terjemahan al-Quran bahasa Melayu iaitu Tafsir Pimpinan Al-Rahman (1995) dan terjemahan Tafsir Fi Zilal Al-Quran (2000).

Beberapa dapatan dapat dikeluarkan daripada kajian-kajian tersebut seperti peranan penterjemah dan strategi penterjemah. Peranan penterjemah menurut Al-Jabri (2012) ialah mencari perkataan yang setara tepat ‘accurate equivalent’ bagi setiap pasangan perkataan yang bersinonim dan tidak ditukar ganti antara sesama perkataan. Selain itu, penterjemah perlu menghindari perkataan yang terlalu umum untuk merujuk kepada semua perkataan tersebut. Tambahan pula, Abdul-Qadeer Khaleel et. al. (2017) berpendapat penterjemah perlu mengenal pasti dan mempertimbangkan perbezaan makna yang terdapat pada setiap pasangan perkataan yang bersinonim serta memastikan perbezaan tersebut dapat diterjemahkan dalam teks terjemahan. Seterusnya, penterjemah perlu membaca dan memahami buku-buku atau kitab-kitab yang ditulis oleh para ilmuwan linguistik dan tafsir mengenai tafsiran ayat-ayat al-Quran sebelum menterjemah agar setiap perkataan bersinonim tersebut diterjemah dengan tepat (Hassan 2014).

Penambahan adjektif merupakan salah satu strategi dalam menterjemah perkataan bersinonim separa. Kosa kata yang terhad dalam sesuatu bahasa sasaran mendorong kepada terjemahan berkurangan. Oleh yang demikian, penambahan adjektif sangat berperanan bagi menampakkan perbezaan antara perkataan bersinonim separa. Antar Abdallah (2003) dalam kajiannya menyatakan perbezaan Yusuf Ali (1954) dan Picktall (1999) dalam menterjemah perkataan ‘ghayth’ dan ‘matar’. Yusuf Ali menterjemah perkataan ‘ghayth’ sebagai ‘rain’ iaitu hujan dan ‘matar’ sebagai ‘shower of brimstones’ manakala, Picktall (1999) menambah adjektif pada perkataan ‘rain’ iaitu menterjemah perkataan ‘ghayth’ sebagai ‘the saving rain’ iaitu hujan rahmat dan ‘matar’ sebagai ‘the fatal rain’ iaitu hujan bencana. Antar Abdallah (2003) menyatakan kedua-dua penterjemah dilihat menyedari akan perbezaan bagi kedua-dua perkataan dari segi makna, penggunaan dan kesan emosi, seterusnya menggunakan strategi yang berbeza untuk membezakan antara keduanya. Namun begitu, penambahan adjektif atau perincian ‘comments’ kadangkala membawa kepada terjemahan berlebihan yang lari daripada terjemahan yang tepat (Al-Ghazalli & Al-Musawi 2015). Oleh itu, para penterjemah perlulah sangat berhati-hati dalam menterjemah setiap perkataan tersebut sama ada pada pemilihan kata dan penambahan adjektif pada satu-satu terjemahan.

Analisis konteks juga amat penting dalam menterjemah sesuatu item leksikal sinonim. Menurut Al-Jabri (2012), penterjemah perlu berhati-hati dalam mengkaji konteks perkataan sinonim untuk mencari perkataan yang tepat dalam konteks sesuatu ayat. Hal ini dikukuhkan lagi oleh Abdul Qader Khaleel et al. (2017) yang menyatakan konteks Quran memberikan peranan penting dalam memastikan setiap makna perkataan diterjemah secara jelas kepada para pembaca lebih-lebih lagi kepada para penterjemah. Selain itu, Hassan (2014) juga menyatakan

bahawa penterjemah tidak berjaya sepenuhnya dalam menterjemah kerana mereka cenderung untuk menterjemah satu-satu perkataan sinonim itu luar daripada konteks. Justeru, setiap penterjemah perlu berhati-hati dalam menterjemah kerana terjemahan yang salah boleh membawa maksud yang tidak tepat pada teks terjemahan seterusnya memberikan pentafsiran yang salah kepada para pembaca. Selain itu, kefahaman terhadap konteks ayat dan penguasaan kedua-dua bahasa amat penting dalam menghasilkan terjemahan yang baik.

Analisis Deskriptif

Kajian ini dianalisis juga secara deskriptif untuk melihat nilai kekerapan, peratus dan jumlah dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jadual Kekerapan dan Peratus Tema Kajian Berdasarkan Pemerolehan Data

Tema	PHD / MA	Jurnal	Kertas Kerja / Seminar	Buku	Jumlah	%
Penterjemahan sinonim al-Quran terjemahan bahasa Melayu	1	0	1	0	2	16.67
Penterjemahan sinonim al-Quran dalam terjemahan bahasa Inggeris	3	7	0	0	10	83.33

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa kajian penterjemahan sinonim al-Quran dalam terjemahan bahasa Melayu sangat sedikit, iaitu 16.67 peratus pada peringkat doktor falsafah, sarjana atau seminar, manakala kajian penterjemahan sinonim al-Quran dalam terjemahan bahasa Inggeris sangat tinggi pada peringkat jurnal iaitu 83.33 peratus. Namun, kajian penterjemahan sinonim masih dilihat sebagai rendah dengan jumlah 12 kajian sahaja.

Hasil Dapatan Kajian

Bagi menjawab persoalan pertama, antara bentuk kajian lepas yang dikaji adalah konsep sinonim dalam bahasa Arab secara umum, konsep sinonim al-Quran menurut para pengkaji bahasa Arab dan al-Quran, konsep sinonim al-Quran menurut para pengkaji terjemahan, penterjemahan sinonim al-Quran dalam terjemahan al-Quran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Selain itu, merujuk kepada hasil dapatan kajian, menunjukkan bahawa jumlah kajian penterjemahan sinonim al-Quran adalah 12 kajian dan boleh dikatakan masih rendah lebih-lebih lagi kajian penterjemahan sinonim dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu iaitu sebanyak 16.67 peratus.

Kesimpulan

Melalui hasil dapatan yang telah dihuraikan, jumlah kajian yang membincangkan secara terperinci mengenai penterjemahan sinonim al-Quran dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu masih rendah. Oleh itu, seharusnya kajian seumpama perlu diperbanyakkan pada masa akan datang kerana masih wujud perkataan-perkataan bersinonim separa dalam al-Quran yang belum dikaji. Tambahan pula, kajian seumpama boleh dijadikan rujukan dalam kerja-kerja penterjemahan, khususnya yang melibatkan leksikal sinonim dalam al-Quran. Justeru, kajian seumpamanya diharapkan dapat membuka ruang dan idea yang lebih luas bagi bidang penterjemahan khususnya bidang penterjemahan al-Quran dan memberikan kefahaman yang lebih baik kepada para pembaca terhadap makna al-Quran.

Rujukan

- Abdul-Qadeer Khaleel Abdul-Ghafour, Norsimah Mat Awal, Intan Safinaz Zainudin & Ashinida Aladdin. 2020. Meanings of the Qur'anic Near-Synonyms : Al-Sirat and Al-Sabil (the Path) and Their English Translations. *Akademika* 90(3): 63–73.
- Abdul-Qadeer Khaleel Abdul-Ghafour, Norsimah Mat Awal, Intan Safinaz Zainudin & Ashinida Aladdin. 2019. The Interplay of Qur'anic Synonymy and Polysemy with Special Reference to Al-asfār and Al-kutub (the Books) and their English Translations. *3L: Language, Linguistics, Literature* 25(1): 129–143.
- Abdul-Qadeer Khaleel Abdul-Ghafour, Norsimah Mat Awal, Intan Safinaz Zainudin & Ashinida Aladdin. 2017. Meanings of Near-Synonyms and Their Translation Issues in the Holy Qur'an. *Gema Online Journal of Language Studies* 17 (4): 258–273.
- Ahmad Munawwar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2014. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Abbas, Linda. & Khanji Rajai. 2019. Lexical Analysis of Arabic Near-Synonyms in the Holy Quran : A Case Study of sanah and 'aam. *International Journal of Linguistics* 11(5): 149–168.
- Al-Asma'i, Abd Al-Malik ibn Quraib. 1986. *Ma Ikhtalafat Alfazuhu wa Ma Ittafaqat Ma'anih*. Damsyik: Dar Al-Fikr li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazalli, Mehdi Falih. & Al-Musawi, Alaa Jabr. 2015. Translation Assessment of Quranic Lexical Synonymy into English. *International Journal of English Language and Linguistics Research* 3(2): 28–45.
- Al-Jabri, Samia Muhsen. 2012. Lexical Synonyms in the Holy Qur'an and their Translations : A Case Study. *International Journal of Arabic-English Studies* 13: 7–22.
- Al-Khalidi, Solah Abd Al-Fattah. 2000. *I'jaz al-Qur'an al-Bayani wa Dala'il Masdaruh al-Rabbani*. Amman: Dar Ammar.
- Al-Munajjid, Muhammad Nur Al-Din. 1997. *Al-Taraduf fi al-Quran (Baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq)*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Omari, Sana Kamel & Abu-Melhim, Abdel Rahman Husni. 2014. Synonymy in English and Arabic with Reference to the Holy Qur'an: A Contrastive Study. *Theory and Practice in Language Studies* 4(12): 2619–2626.

- Al-Samarrai, Fadil Salih. 2003. *Lamasat Bayaniyyat Fi Nusus Min al-Tanzil*. Amman: Dar Ammar.
- Al-Shati', Aisyah Abd Al-Rahman Bint. 1984. *Al-I'jaz al-Bayani li al-Quran wa Masa'il Ibn al-Azraq*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Shaya', Muhammad 'Abd Al-Rahman. 1993. *Al-Furuq al-Lughawiyah wa Atharuha fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Riyadh: Maktabah al-'Abikan.
- Al-Sowaidi, Belqes Saif Abdulelah. 2011. *Textuality In Near-Synonyms Translations Of The Holy Quran*. University of the Western Cape.
- Almakrob, Ahmed Yahya & Al-Ahdal, Arif Ahmed Mohammed Hassan. 2020. An Investigation of the Near-Synonyms in the Quran : A collocational Analysis. *The Asian ESP Journal* (November).
- Antar Abdellah. 2010. *Translations of Near-Synonyms in the Quran : A context-based Analysis*. London: University of London.
- Ariefta Hudi Fahmi. 2015. Sinonimitas dalam Al-Quran (Studi atas Lafadz al-Syakk dan al-Raib). Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Azman Che Mat & Muhd Sufian Said. 2018. Leksikal Sinonim dalam Terjemahan al-Quran: Satu Penerokaan Etimologi. *4th International Conference of Islamiyyat Studies*, hlm. 466–475.
- Braun, Virginia. & Clarke, Victoria. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77–101.
- Dornyei, Zoltan. 2007. *Research Methods in Applied Linguistics*. Oxford University Press.
- Fina Sulastri. 2008. Penerjemahan Sinonim Istilah Tauhid. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Hassan, Adel El-Sayed. 2014. Readdressing the Translation of Near Synonymy in the Glorious Qur'an. *European Scientific Journal* 10(8): 165–191.
- Husayn, Toman Ghazi. 2012. Denying synonyms in the Quran in response to Dr. Ahmed Omar Mukhtar.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Uthman. 2006. *Al-Khasa'is*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Iman Najim Abdul-Rahman Khalaf & M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. The Qur'an: Limits of Translatibility. *International Journal of Quranic Research* 2(1): 73–85.
- Issa, Hiba. 2011. Textually-Mediated Synonymy in English/Arabic Translation. American University of Sharjah.
- Janan, Muhammad Nabihul. 2017. Sinonimitas dalam Al-Quran (Analisis Semantik Lafadz Khauf dan Khasyyah). Tesis Sarjana. Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Lyons, John. 1981. *Language, Meaning and Context*. Terjemahan Zahrah Abd Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Ali Mubarok. 2019. Sinonimitas dalam Al-Quran (Analisis Semantik Lafadz Zauj dan Imraah). Tesis Sarjana. Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Muhammad Luqman ibnul Hakim Mohd Saad, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Muhammad Zaidi Zakaria. 2017. Leksikal Sinonim Dalam Al Quran: Satu Analisis Fungsi dan Kesan Semantik. *Jurnal Linguistik* 21(1): 36–54.
- Nadhirah Abdul Latif. 2018. Tarjamah Shibh al-Taraduf fi al-Quran al-Karim ila al-Lughah al-Malayuwiyyah. Tesis Sarjana. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir. 2014. Faktor Kewujudan Sinonim Dalam Bahasa Melayu Dan Arab : Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Melayu* 12(1): 51–69.
- Noureldin Mohamed Abdelaal & Sabariah Md. Rashid. 2015. Semantic Loss in the Holy Quran Translation With Special Reference to Surah Al-WaqiAAa (Chapter of The Event Inevitable). *SAGE Open* 1–10.
- Pare, Guy, Trudel, Marie-Claude, Jaana, Mirou & Kitsiou, Sypros. 2015. Synthesizing Information Systems Knowledge: A Typology of Literature Reviews. *Information and Management Journal* 52(2): 183–199
- Salinah Ja'afar & Doreen Foo Hui Chin. 2016. *Sinonim dan Kelingkaran Makna dalam Kamus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar, Ahmad Mukhtar. 1998. *Ilm al-Dalalah*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Umar, Ahmad Mukhtar. 2000. Al-Taraduf wa Ashbah al-Taraduf fi al-Quran al-Karim. *Journal of Quranic Studies* 182–198.
- Yudiansyah. 2010. Sinonim Kata Berpikir dalam Kajian al-Quran. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta..